



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## SIARAN MEDIA

---

### **MALAYSIA LAKAR SEJARAH: AKTA PEKERJA GIG 2025 DIPERKUKUH DENGAN PENUBUHAN TRIBUNAL DAN MAJLIS PERUNDINGAN GIG**

---

**KUALA LUMPUR, 3 April 2026** – Malaysia melakar satu lagi detik bersejarah dalam pembangunan landskap pekerjaan negara dengan penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025 serta penubuhan Tribunal Pekerja Gig (TPG) dan Majlis Perundingan Gig (MPGig) sebagai institusi utama dalam memperkukuh ekosistem ekonomi gig yang lebih adil dan inklusif.

Majlis Penyerahan Watikah dan Sijil Pelantikan Anggota TPG dan MPGig telah disempurnakan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan di Wyndham Grand Bangsar, Kuala Lumpur.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa penguatkuasaan akta yang mula berkuat kuasa pada 31 Mac 2026 ini dijangka memberi impak kepada lebih 1.64 juta pekerja gig di seluruh negara, sekali gus memperkukuh perlindungan perundangan bagi golongan tersebut yang sebelum ini dalam sektor tidak formal.

“Akta ini merupakan satu langkah penting dalam memastikan pekerja dalam ekonomi gig mendapat perlindungan asas yang sewajarnya selaras dengan perubahan landskap pekerjaan masa kini,” ujar beliau.

Penubuhan Tribunal Pekerja Gig (TPG) merupakan antara komponen utama dalam pelaksanaan akta ini, yang berfungsi sebagai platform penyelesaian pertikaian kontrak secara adil, pantas dan kos efektif. Tribunal ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar, menjadi perantara serta membuat keputusan terhadap pertikaian antara pekerja gig dan entiti kontrak.

Seramai 22 Pengerusi Mahkamah Perusahaan dilantik secara interim sebagai Presiden, Timbalan Presiden dan Anggota Tribunal, bersama 28 Pegawai Perhubungan Perusahaan yang turut menyumbang kepakaran teknikal dalam bidang perundangan buruh bagi memastikan kelancaran pelaksanaan tribunal ini pada peringkat awal.

Selain itu, Majlis Perundingan Gig (MPGig) turut ditubuhkan sebagai platform strategik yang menghimpunkan wakil kerajaan, pekerja gig serta entiti kontrak bagi menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai kadar pendapatan minimum, formula pembayaran serta standard minimum yang perlu diguna pakai mengikut sektor, wilayah, jenis pekerja gig atau perkhidmatan dan kategori. MPGig juga mempunyai kuasa untuk berunding dengan pemegang taruh, mengumpul dan menganalisis maklumat, menjalankan penyelidikan dan apa-apa fungsi lain yang berkaitan, sekali gus memastikan keseimbangan antara kepentingan pekerja dan kelangsungan industri.

Mesyuarat Majlis Perundingan Gig (MPGig) Bilangan 1 Tahun 2026 turut diadakan pada hari ini, membincangkan, antara lain pembentangan cadangan terma rujukan kajian bertajuk “Struktur Pampasan Yang Adil Bagi Pekerja Gig di Malaysia”, merangkumi aspek kadar pendapatan minimum, formula pengiraan serta piawaian minimum yang perlu dipakai. Kajian ini merupakan fasa pertama yang akan memberi fokus kepada pekerja gig yang bekerja dengan penyedia platform manakala fasa seterusnya akan diperluaskan skop kajian yang melibatkan entiti kontrak selain daripada penyedia platform.

Perbincangan ini dijangka menjadi asas kepada pembangunan satu kerangka penetapan kadar pendapatan pekerja gig yang lebih telus, berasaskan data dan mengambil kira realiti pasaran semasa, sekali gus menyokong penggubalan dasar yang lebih adil, seimbang dan mampan untuk semua pihak berkepentingan.

KESUMA menegaskan bahawa pendekatan yang diambil adalah berteraskan prinsip keadilan menyeluruh, bukan sahaja untuk melindungi kebajikan pekerja gig, tetapi juga memastikan ekosistem perniagaan yang mampan dan adil kepada semua pihak berkepentingan.

Penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025 ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam menyediakan rangka perundangan yang lebih progresif dan inklusif,

sejajar dengan usaha memperkukuh perlindungan sosial serta kebajikan pekerja di Malaysia. Usaha ini juga dilihat berpotensi menjadi rujukan penting di peringkat serantau dalam membangunkan ekosistem ekonomi gig yang mampan, responsif dan berdaya tahan.

KESUMA menyeru semua pihak termasuk pekerja gig, penyedia platform dan pemegang taruh industri untuk bersama-sama menyokong pelaksanaan akta ini demi memastikan masa depan dunia pekerjaan yang lebih adil, tersusun dan inklusif untuk semua.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**04 APRIL 2026**



31 Mac 2026  
31 March 2026  
P.U. (B) 124

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PELANTIKAN ANGGOTA  
MAJLIS PERUNDINGAN

*APPOINTMENT OF MEMBERS  
OF THE CONSULTATIVE COUNCIL*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

P.U. (B) 124

## AKTA PEKERJA GIG 2025

## PELANTIKAN ANGGOTA MAJLIS PERUNDINGAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 51(1) Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872], Menteri telah melantik orang yang dinamakan dan pegawai awam yang memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual sebagai anggota Majlis Perundingan di bawah peruntukan yang dinyatakan dalam ruang (1) dengan kedudukan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) berkuat kuasa mulai 1 April 2026 hingga 31 Mac 2029.

## GIG WORKERS ACT 2025

## APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE CONSULTATIVE COUNCIL

IN exercise of the powers conferred by subsection 51(1) of the Gig Workers Act 2025 [Act 872], the Minister has appointed the persons named and the public officers holding the office specified in column (2) of the Schedule as members of the Consultative Council under the provisions specified in column (1) in the capacity as specified in column (3) with effect from 1 April 2026 to 31 March 2029.

## JADUAL/SCHEDULE

(1) Perenggan/ Paragraph	(2) Nama/Jawatan Name/Office	(3) Kedudukan/ Capacity
51(1)(a)	Datuk Dr. Mohd Gazali bin Abas	Pengerusi/ Chairman
51(1)(b)	Shanmugam a/l Thiagarajan	Timbalan Pengerusi/ Deputy Chairman
51(1)(c)	Ibrahim bin Baharom @ Abdul Rahim	Setiausaha/ Secretary

P.U. (B) 124

(1) Perenggan/ Paragraph	(2) Nama/Jawatan Name/Office	(3) Kedudukan/ Capacity
51(1)(d)	Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia/ <i>Deputy Secretary General (Policy and International) Ministry of Human Resources</i>	Anggota/ <i>Member</i>
51(1)(d)	Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Pentadbiran)/ <i>Deputy State Secretary (Administration)</i>	Anggota/ <i>Member</i>
51(1)(d)	Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah/ <i>Permanent Secretary Ministry of Education, Science, Technology and Innovation of Sabah</i>	Anggota/ <i>Member</i>
51(1)(d)	Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Timbalan Perdana Menteri/ <i>Special Functions Officer to the Deputy Prime Minister</i>	Anggota/ <i>Member</i>
51(1)(d)	Ketua Seksyen Seksyen Pasaran Buruh Bahagian Fiskal dan Ekonomi Kementerian Kewangan <i>Head of Section Labour Market Section Fiscal and Economics Division Ministry of Finance</i>	Anggota/ <i>Member</i>
51(1)(d)	Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan Kementerian Ekonomi/ <i>Director Human Capital Development Division Ministry of Economy</i>	Anggota/ <i>Member</i>
51(1)(e)	Abdul Rashid bin Abdul Shukor Grab	Anggota/ <i>Member</i>
51(1)(e)	Azrani Rustam Bolt	Anggota/ <i>Member</i>

P.U. (B) 124

(1) Perenggan/ Paragraph	(2) Nama/Jawatan Name/Office	(3) Kedudukan/ Capacity
51(1)(e)	Joshua Tan Soo Tjan Troopers	Anggota/ Member
51(1)(e)	Abhishek Menon Lalamove	Anggota/ Member
51(1)(e)	Chia Xiat Lin, Francesca GoGet	Anggota/ Member
51(1)(e)	Datuk Noor binti Mohd Maideen MyCar	Anggota/ Member
51(1)(f)	Nathan a/l Mathivanan Persatuan Transformasi Pengangkutan Awam Darat (TPAD)	Anggota/ Member
51(1)(f)	Masrizal bin Mahidin Gabungan E-Hailing Malaysia (GEM)	Anggota/ Member
51(1)(f)	Mohd Khalil bin Saleh Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia/ Professional Film Workers Association of Malaysia	Anggota/ Member
51(1)(f)	Lim Yoke Kwan Pertubuhan Kebangsaan Jurubahasa dan Penterjemah Bahasa Isyarat Malaysia (JUPEBIM)/ Malaysian Sign Language Interpreters and Translators National Organisation	Anggota/ Member
51(1)(f)	Norazam bin Mohammad Nordin Persatuan Wartawan Bebas Kuala Lumpur dan Selangor	Anggota/ Member
51(1)(f)	Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Sharizal bin Abdul Aziz Persatuan Pemandu E-Hailing OKU Fizikal Malaysia	Anggota/ Member
51(1)(g)	Prof. Madya Dr. Nurhidayah binti Abdullah	Anggota/ Member
51(1)(g)	Prof. Madya Dr. Hazrul Izuan bin Shahiri	Anggota/ Member

P.U. (B) 124

(1) Perenggan/ Paragraph	(2) Nama/Jawatan Name/Office	(3) Kedudukan/ Capacity
51(1)(g)	Dr. Abdul Rahman bin Hamdan	Anggota/ Member
51(1)(g)	Dr. Rachel Gong Hui Ngee	Anggota/ Member
51(1)(g)	Farah Nabilah binti Abdul Rahman	Anggota/ Member

Bertarikh 31 Mac 2026

Dated 31 March 2026

[KSM.PUU(S)600-1/1/38(12); PN(PU2)780]

DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN  
Menteri Sumber Manusia/  
Minister of Human Resources

## LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

## PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

## JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	